

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendahuluan.

Bab ini akan membincangkan mengenai kesimpulan kajian yang telah diperolehi daripada bab yang keempat. Rumusan akan dikemukakan dalam bentuk deskriptif menerusi tajuk-tajuk berikut :

- A. Rumusan kajian.
- B. Perbincangan dapatan kajian.
- C. Implikasi dan cadangan.
- D. Cadangan untuk kajian lanjutan.
- E. Kesimpulan.

A. Rumusan Kajian.

Kajian ini ditadbirkan untuk mengenal pasti dan menilai pelaksanaan kurikulum yang ditetapkan oleh Universiti Al Azhar dan diterima pakai di sekolah-sekolah agama JAIS peringkat sekolah menengah mencapai objektif. Pelaksanaan kurikulum ini meliputi pengetahuan, kemahiran, persediaan, kemampuan bahasa serta teknik dalam memahami dan pengajaran kurikulum tersebut. Ianya bertujuan untuk

mengetahui sejauh manakah keberkesanan dan kesesuaian isi kandungan dan proses pengajaran dalam kurikulum al- Azhar di sekolah. Di samping memperlihatkan perbezaan antara guru-guru kelulusan ijazah luar negara (Timur Tengah) dan dalam negara serta guru-guru yang telah mengikuti latihan iktisas dan sebaliknya dalam pelaksanaan kurikulum ini. Selain daripada itu untuk mengenal pasti masalah-masalah dalam pelaksanaan kurikulum al-Azhar serta meninjau kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah.

Dari sudut jantina seramai 75 orang (49.3%) daripadanya adalah guru lelaki dan selebihnya adalah guru perempuan iaitu 77 orang (50.7%). Ini bermakna bilangan guru perempuan yang terlibat dalam kajian ini adalah lebih ramai berbanding guru lelaki.

Manakala jika dilihat dari sudut umur pula, responden yang berumur 18 hingga 30 tahun adalah seramai 49 orang (32.2 %), 31 hingga 40 tahun 55 orang (36.2 %), dan bagi peringkat umur 41 hingga 50 serta 51 hingga 60 tahun masing-masing seramai 28 orang (18.4%) dan 20 orang (13.2%). Berdasarkan jadual ini, guru yang paling ramai terlibat dalam pengajaran kurikulum ini adalah pada peringkat 31 hingga 40 tahun. Secara keseluruhannya kebanyakan guru yang terlibat juga adalah terdiri daripada generasi muda.

Jika dilihat dari sudut latar belakang pendidikan, bilangan guru yang mempunyai lulusan luar negara adalah lebih ramai berbanding dalam negara. Di mana

bilangan guru yang lulusan dalam negara adalah seramai 64 orang (42.6%) manakala guru lulusan luar negara pula adalah seramai 88 orang (57.4%).

Dari sudut pengkhususan pendidikan pula, bidang pengkhususan pengajian Syariah adalah yang tertinggi berbanding bidang pengajian yang lain iaitu seramai 68 orang (44.7%), manakala bilangan guru dalam bidang pengkhususan Bahasa Arab adalah seramai 27 orang (17.8%). Bidang pengajian Usuluddin pula seramai 28 orang (18.4). Seramai 29 orang (19.1%) adalah bilangan guru dalam pengkhususan lain-lain, seperti Pengajian Pendidikan Islam, Pengajian Islam dan Pengajian Dakwah.

Sekiranya dilihat dari sudut tempoh lama berkerja, bilangan guru yang paling ramai adalah pada tahap 1 hingga 15 tahun iaitu seramai 115 orang (75.7%), manakala baki daripada responden mempunyai pengalaman mengajar 16 hingga 20 tahun dan ke atas iaitu 37 orang (24.3%). Ini bermakna tahap guru yang terlibat dalam pengajaran kurikulum al-Azhar adalah dari kalangan guru-guru yang baru.

Bilangan guru yang berjawatan tetap adalah seramai 75 orang (49.3%) dan merupakan bilangan teramai berbanding guru yang lain. Manakala guru sandaran terlatih dan sandaran tidak terlatih pula masing-masing 36 orang (23.7%) dan 41 orang (27%).

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa majoriti daripada sampel berminat terhadap profesyen perguruan iaitu seramai 148 orang (97.4%), manakala bakinya seramai 4 orang (2.6%) menyatakan kurang berminat terhadap profesyen tersebut.

Dari sudut kelulusan iktisas pula, bilangan guru yang mempunyai kelulusan iktisas merupakan bilangan yang tertinggi iaitu 95 orang (62.5%). Bilangan guru yang tidak mempunyai kelulusan iktisas pula seramai 57 orang (37.5%). Ini bermakna kebanyakan guru yang terlibat telah mendapat kursus perguruan yang secukupnya.

Merujuk kepada pemahaman sampel terhadap kurikulum al-Azhar didapati bahawa majoriti dari kalangan sampel menyatakan bahawa mereka faham. Terdapat pelbagai cara yang digunakan oleh guru-guru dalam memahami kurikulum tersebut antaranya berusaha sendiri, bertanya kepada guru-guru yang lain, mengikuti seminar, bengkel kursus sukatan kurikulum al-Azhar. Walau bagaimanapun antara ketiga-tiga cara tersebut yang mendapat tumpuan dari kalangan sampel adalah dengan berusaha sendiri.

Tidak dinafikan bahawa guru-guru yang terlibat dalam proses pengajaran kurikulum ini menghadapi sedikit masalah sama ada untuk memahami bahasa dan isi kandungan kurikulum al-Azhar. Walau bagaimanapun mereka mempunyai beberapa kaedah bagi menyelesaikan masalah tersebut, antaranya melalui membaca dengan berulang kali, membuka kamus atau kitab-kitab rujukan yang lain, berbincang dengan guru-guru yang lain, bertanya kepada guru pakar Bahasa Arab dan membawa masalah kepada panatia kurikulum al-Azhar. Secara keseluruhannya majoriti dari kalangan responden menggunakan kaedah berbincang dengan guru-guru lain bagi menyelesaikan sebarang permasalahan.

Setelah kajian dibuat, didapati bahawa sebahagian besar dari kalangan sampel masih lagi tidak menerima sukatan kurikulum al-Azhar bagi mata pelajaran yang mereka mengajar, ini merangkumi mata pelajaran Bahasa Arab, Tauhid, Feqah, Tafsir, Hadis dan Tarikh al Islami (sejarah Islam). Walau bagaimanapun terdapat hanya sebilangan kecil dari kalangan sampel yang menerima sukatan pelajaran bagi kurikulum al-Azhar. Sumber untuk mendapatkan sukatan tersebut sama ada melalui pemberian JAIS, sekolah ataupun berkongsi dengan guru yang lain. Kebanyakan daripada sampel menyatakan bahawa mereka memperolehi sukatan dengan berkongsi dengan guru-guru yang lain. Mereka juga berpandangan, pihak yang sepatutnya bertanggungjawab menyediakan sukatan tersebut adalah pihak JAIS sendiri.

Penggunaan bahasa merupakan suatu aspek yang penting dalam mencapai objektif pembelajaran. Proses pembelajaran yang melibatkan kurikulum al-Azhar sudah pasti tidak dapat lari daripada penggunaan Bahasa Arab. Kebanyakan sampel yang ditanya menyatakan bahawa mereka menggunakan bahasa tersebut pada tahap yang sederhana. Ini kerana jika penggunaannya pada tahap keseluruhan ianya akan menyebabkan pelajar menghadapi masalah dalam memahami sesuatu pengajaran dan sekiranya penggunaannya pada tahap yang kurang ianya akan menyebabkan matlamat pendidikan kurikulum tersebut tidak tercapai.

Rancangan pengajaran merupakan aspek yang penting untuk mewujudkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih tersusun. kaedah yang banyak digunakan oleh sampel untuk membuat rancangan pengajaran adalah melalui

pengalaman yang lalu. Hal ini dapat dibuktikan dengan 55.3% dari kalangan sampel menyatakan bahawa mereka menggunakan kaedah tersebut.

Dalam pelaksanaan kurikulum al-Azhar terdapat beberapa masalah yang mereka hadapi, ini merangkumi kurang faham memahami objektif kurikulum tersebut, pengetua dan AJK. kurikulum kurang memberi panduan jelas tentang pengajaran dan pembelajaran, Bahagian Pendidikan JAIS kurang memberi panduan pengajaran dan pembelajaran dan tidak terdapat keselarasan panduan cara menulis rancangan pengajaran dari pihak yang terlibat. Mereka berpandangan antara masalah yang besar mereka hadapi adalah pengetua dan AJK. kurikulum kurang memberi panduan jelas tentang pengajaran dan pembelajaran.

Bagi menyelesaikan sesuatu masalah hanya sebahagian kecil sampel akan selalu mendapatkan bantuan dan nasihat daripada guru-guru yang lebih pakar dalam mengajar kurikulum tersebut. Manakala sebahagian besar dari kalangan mereka hanya sekali sekala sahaja.

Pandangan sampel terhadap masa yang diperuntukkan bagi pengajaran kurikulum al-Azhar didapati bahawa sebahagian besar dari mereka menyatakan peruntukan masa yang diberikan kurang mencukupi. Peratusan kumpulan sampel ini adalah seramai 69.1%. Antara faktor-faktor utama yang menyebabkan peruntukan masa yang diberikan tidak mencukupi disebabkan terlalu banyak kalimah yang perlu diterjemahkan serta aspek ilmu yang perlu dihuraikan. Langkah-langkah yang diambil

oleh sebahagian besar sampel bagi mengatasi masalah tersebut adalah dengan mengadakan kelas intensif dan memberi ringkasan setiap mata pelajaran.

Terdapat pelbagai teknik pengajaran yang biasa diamalkan oleh sampel dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya merangkumi dari sudut teknik pengajaran yang digunakan syarahan, perbincangan, penyelesaian masalah, bercerita, simulasi, soal jawab, main peranan dan perbahasan. Walau bagaimanapun kaedah yang selalu digunakan oleh sebahagian besar sampel dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah kaedah syarahan dan soal jawab. Manakala sebahagian besar dari kalangan sampel menyatakan bahawa mereka tidak pernah menggunakan kaedah simulasi dan perbahasan.

Penggunaan bahan bantu mengajar tidak dinafikan akan menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran lebih menarik. Antara kelengkapan yang digunakan merangkumi papan hijau, buku teks, carta, gambar, OHP, pita rakaman dan kamus. Walau bagaimanapun sebahagian besar daripada sampel menggunakan papan hijau, buku teks dan kamus sebagai bahan bantu mengajar yang utama.

Manakala yang lain kurang digunakan disebabkan oleh kos yang tinggi dan alat tersebut juga terhad. Penggunaan papan hijau, buku teks dan kamus menjadi bahan bantu mengajar yang utama disebabkan oleh keberkesanannya dalam membantu meningkatkan pemahaman pelajar. Hal ini dibuktikan dengan lebih daripada 70% sampel menyokong kenyataan tersebut.

Salah satu langkah untuk meningkatkan prestasi pelajar adalah dengan mengadakan kelas tambahan. Hal ini juga telah disokong oleh sebahagian besar sampel, di mana lebih 70% dari kalangan mereka mengadakan kelas tambahan untuk meningkatkan prestasi pelajar. Kekerapan mengadakan kelas tambahan biasanya sama ada secara mingguan, bulanan mahupun mengikut tajuk pelajaran. Tetapi kebanyakan sampel menyatakan bahawa mereka mengadakan kelas tersebut secara mingguan. Kebanyakan daripada sampel menyatakan bahawa kelas tambahan tersebut berkesan dalam meningkatkan prestasi pelajar.

Ujian merupakan suatu aspek yang penting untuk menilai kefahaman dan prestasi pelajar. Sebahagian besar dari kalangan sampel menyatakan bahawa mereka mengadakan ujian kepada pelajar sekali dalam tempoh sebulan, ujian ini dikenali sebagai ujian bulanan. Ujian yang telah dijalankan didapati bahawa statistik pencapaian pelajar secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana.

Hal ini telah dinyatakan oleh lebih daripada 50% orang sampel juga bersetuju ujian yang dilakukan telah dapat menggambarkan prestasi pelajar sebenar sama ada pemahaman yang diperolehinya itu baik ataupun sebaliknya. Sampel juga sangat bersetuju terhadap kekerapan melakukan ujian dapat memberi kesan kepada prestasi pelajar.

Melihat kepada perbandingan antara guru-guru lulusan luar negara dan dalam negara terhadap pemahaman dan pelaksanaan kurikulum al-Azhar melalui kaedah cross tabs. Perbandingan dari aspek pemahaman sukatan kurikulum tersebut, penulis

hanya membandingkan 1 item (perkara) sahaja yang merangkumi pemahaman dan kaedah yang digunakan untuk memahami sukatan tersebut.

Manakala dari aspek pelaksanaan terdapat 8 perkara yang merangkumi penggunaan Bahasa Arab, cara membuat rancangan pelajaran, peruntukan masa, teknik pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, kelas tambahan, ujian dan masalah serta penyelesaiannya.

Berdasarkan kepada perbandingan yang telah dibuat di atas didapati bahawa bagi aspek pemahaman terhadap huraian sukatan kurikulum al-Azhar terdapat satu signifikan atau perbezaan dan satu tidak signifikan. Perkara yang mempunyai perbezaan adalah mengenai pemahaman terhadap keseluruhan sukatan kurikulum al-Azhar, manakala bagi perkara yang tidak mempunyai signifikan adalah berkaitan kaedah-kaedah yang digunakan dalam memahami sukatan tersebut.

Walaupun bagaimanapun dari aspek pelaksanaan pula, setelah 27 perbandingan telah dibuat sebanyak 81.5% (22 perkara) tidak mempunyai signifikan. Sebaliknya perkara yang mempunyai signifikan bagi aspek tersebut adalah sebanyak 18.5% (5 perkara) sahaja. Ini merangkumi dari sudut penggunaan Bahasa Arab, penggunaan buku teks, penggunaan OHP, keberkesanan kelas tambahan dalam meningkatkan prestasi pelajar dan kekerapan mengadakan ujian.

Kajian juga dibuat bagi melihat perbandingan guru-guru yang mempunyai kelulusan ikhtisas dan tidak mempunyai kelulusan ikhtisas. Perbandingan yang dibuat juga dengan menggunakan item (perkara) yang sama seperti sebelum ini.

Setelah perbandingan dibuat menggunakan kaedah yang sama di atas, didapati bahawa tidak terdapat signifikan (perbezaan) antara guru-guru sama ada ianya mempunyai lulusan iktisas mahupun tidak. Di mana nilai signifikannya melebihi daripada 0.05 (>0.05). Berdasarkan dapatan ini disokong oleh Ahmad Talib dan Cheng Fun Keoh (1994) dimana guru mata pelajaran sejarah dan pensyarah Ilmu Pendidikan didapati tidak menggunakan kaedah yang berpusatkan pelatih (pelajar) dalam pengajaran mereka.

B. Perbincangan dapatan kajian.

Setiap sesuatu perkara itu sudah pasti mempunyai dasar ataupun asas bagi mencapai sesuatu misi mahupun visi. Begitu juga halnya dengan dasar pendidikan JAIS yang mempunyai visi dan misi yang telahpun disebutkan sebelum ini. Dasar atau asas bagi mencapainya adalah bergantung kepada kurikulum yang digubal. Abu Bakar (1991) mengatakan pendidikan yang baik dan berkualiti datangnya daripada kurikulum yang berkualiti. Dalam konteks ini, kemunculan kurikulum al-Azhar bukanlah sabagai suatu program atau rancangan yang khusus tetapi ianya untuk mewujudkan keselarasan dan kesinambungan dengan institusi-institusi pendidikan yang lebih tinggi seperti Universiti Al-Azhar di Mesir dan lain-lain.

Noor Azmi (1988) berpendapat bahawa pembaharuan atau reformasi kurikulum hendaklah bersifat menyeluruh. Fokus pembaharuan kurikulum adalah untuk mengubah kandungan kurikulum dan pengalaman pembelajaran oleh pelajar.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, sebenarnya persediaan untuk melaksanakan kurikulum tersebut masih lagi pada tahap yang sederhana, di mana dari sudut matlamat dan objektif khusus kurikulum tersebut dibentuk masih lagi kabur, Pendedahan kepada guru-guru juga masih kurang mencukupi melalui kursus dan seminar, dan yang paling menarik lagi masih terdapat dari kalangan guru-guru yang tidak mendapat lagi sukatan pelajaran bagi kurikulum tersebut.

Dalam merealisasikan wawasan pendidikan yang tersirat dalam falsafah pendidikan negara dan JAIS, guru mempunyai tanggungjawab atau akauntabiliti yang sangat berat, Pullias dan Young (1982) menyatakan bahawa guru adalah segala-galanya. Mereka berperanan sebagai pembimbing, pendidik, pembaharu, penteladan, pencari, penasihat, pencipta, berwibawa, pengilham cita-cita, pekerja rutin, perombak, penutur cerita dan pelakon, berani menghadapi cabaran dan kenyataan, dan penilai. Kesemua tuntutan ini memerlukan guru mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam terutama tentang profesyen mereka.

Stern dan Keisler (1977) dan Doyle dan Ponder (1977) turut menegaskan bahawa kejayaan atau kegagalan sesuatu pembaharuan kurikulum terletak di tangan guru. Guru juga boleh dianggap sebagai pakar rujuk kurikulum. Menurut Shafiriri (1980) pakar rujuk kurikulum berperanan untuk membantu masyarakat sekolah /bagi

merealisasikan matlamat dan objektif pendidikan. Dalm konteks ini, guru hendaklah mampu untuk membuat perancangan dan pelaksanaan kurikulum al-Azhar secara keseluruhannya ataupun untuk matapelajaran tertentu. Perancangan ini hendaklah mengikut keupayaan pelajar seperti mana yang telah ditegaskan oleh (Borko, Shavelson dan stern, 1981).

Kajian ini menunjukkan bahawa ada terdapat perbezaan signifikan antara guru-guru lulusan luar negara berbanding guru-guru lulusan dalam negara dalam pemahaman dan pelaksanaan kurikulum tersebut. Di mana guru-guru lulusan dalam negara mempunyai masalah dalam memahami sukatan kurikulum tersebut dan penggunaan Bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini berlaku disebabkan oleh latar belakang dan pendedahan pendidikan yang berbeza.

Walau bagaimanapun bagi guru-guru yang mempunyai lulusan iktisas dan tidak mempunyai signifikan dalam memahami dan melaksanakan kurikulum tersebut.

Penggunaan alat bantu mengajar menurut Ismail (1989) akan memberikan implikasi positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara implikasi positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara implikasinya ialah alat bantu mengajar boleh :

- a. melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran;
- b. menjimatkan masa, tenaga dan kewangan;
- c. mengelakkan kebosanan pelajar;
- d. mengelakkan salah tafsir; menghiburkan pelajar sambil belajar;

- e. memberikan kelainan kepada pelajaran;
- f. membantu pelajar menerima kesan pembelajaran yang maksimum.

Alat bantu mengajar boleh dikategorikan kepada tiga jenis. Pertama, alat bantu mengajar asas seperti papan hijau, buku teks dan buku kerja. Kedua, alat bantu mengajar yang bukan elektronik seperti objek, buku, papan flanel, model, gambar, lukisan, carta, lawatan dan pameran. Jenis ketiga ialah alat bantu mengajar elektronik seperti filem, radio, televisyen, perakam kaset, perakam video, "over head projector" (OHP) dan makmal bahasa (Mat Nor dan Ab. Rahman, 1989).

Berdasarkan kepada kajian ini, alat bantu mengajar yang banyak digunakan dalam kajian ini ialah pada kategori pertama seperti papan hijau, buku teks dan buku kerja. Manakala yang paling sedikit pula ialah pada kategori ketiga iaitu alat bantu mengajar elektronik. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan alat ini masih lagi pada tahap yang sangat minima. Hal ini disebabkan oleh kekurangan kemudahan tersebut yang sepatutnya disediakan oleh pihak berwajib.

Tidak keterlaluan juga, jika pengkaji menyatakan bahawa masalah ini datangnya dari mentaliti guru itu sendiri, di mana terdapat daripada kalangan guru yang tidak mahu menggunakan kemudahan yang telah disediakan. Kekurangan software yang berkaitan juga masih lagi kekurangan. Manakala dari aspek teknik pengajaran dan pembelajaran, teknik syarahan dan soal jawab merupakan pilihan utama guru yang menjadi sampel dalam kajian ini.

C. Implikasi dan Cadangan.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, penyelidik ingin membuat beberapa cadangan :

- a. Pengkaji mencadangkan agar Bahagian Pendidikan JAIS perlu mewujudkan sukatan pelajaran al-Azhar yang lebih tersusun serta lengkap dengan huraianya agar guru-guru dapat memahami dan melaksanakan kurikulum tersebut secara lebih efisien dan seragam. Susunan sukatan tersebut perlu mengikut tahap kesesuaian pelajar supaya ianya mudah difahami dan dihayati oleh mereka. Guru-guru juga perlu diberi pendedahan yang lebih sama ada dari sudut pemahaman isi kandungan mahupun teknik pengajaran melalui kursus, seminar dan sebagainya. Perkara ini penting agar matlamat dan objektif yang dirancang sebelum ini akan mencapai pada tahap yang maksimum.
- b. Penulis juga ingin mencadangkan kepada pihak JAIS agar menambahkan guru-guru pakar (terutama dari luar negara) dan berpengalaman di setiap sekolah. Hal ini penting kerana mereka ini akan menjadi sebagai penyelia dan pakar rujuk kepada guru-guru yang menghadapi pelbagai masalah semasa melaksanakan kurikulum tersebut. Dengan ini maka akan dapat menyelesaikan sebarang masalah berkaitan pemahaman dan pengajaran kurikulum tersebut. Akhirnya akan dapat mewujudkan penyelarasan sistem pengajaran.

c. Objektif merupakan aspek yang paling penting dalam sesuatu program atau perkara. Objektif biasanya akan menentukan corak atau agenda sesuatu program atau perkara. Walau bagaimanapun, setelah kajian dijalankan penulis mendapati pelaksanaan kurikulum al-Azhar ini masih lagi tidak mempunyai objektif yang khusus. Walau bagaimanapun tidak dinafikan Bahagian Pendidikan JAIS mempunyai objektif secara keseluruhan. Justeru pengkaji mencadangkan agar pihak JAIS mengkaji semula objektif khusus pelaksanaan kurikulum tersebut dan kemudiannya perlu diperjelaskan kepada guru-guru yang terlibat supaya mereka dapat memahami dan menghayati objektif tersebut. Hal ini sangat penting bagi mewujudkan penyelarasan dari sudut pelaksanaannya.

d. Teknik pengajaran yang banyak digunakan oleh guru-guru adalah bersifat tradisional iaitu lebih kepada syarahan dan soajawab. Menjelang abad ke 21 ini, pihak -pihak yang berkaitan sudah sampai masanya untuk memikirkan teknik pengajaran yang baru, menarik serta berkesan, seterusnya membentangkan kepada para guru yang terlibat supaya dapat diaplikasikan semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Teknik pengajaran yang baru dan menarik ini sudah pasti akan mewujudkan suasana pengajaran yang lebih baik dan akhirnya dapat mewujudkan penghayatan yang maksimum kepada para pelajar.

e. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, alat bantu mengajar merupakan suatu yang penting bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran

yang menarik. Pengkaji mencadangkan kepada pihak Bahagian Pendidikan JAIS supaya mengkaji dan memperuntukkan kewangan yang secukupnya untuk menambahkan alat bantu mengajar di sekolah-sekolah, terutamanya alat bantu mengajar pada kategori yang kedua dan ketiga, iaitu merangkumi alat bantu mengajar bercetak, bergambar dan elektronik.

- f. Selaras dengan era komputer dan teknologi maklumat, sistem pendidikan di negara ini terus seiring dengan berkembang. Walau bagaimanapun berbeza halnya dengan sistem pendidikan yang melibatkan kurikulum al-Azhar ini. Kita tidak boleh bergantung kepada pihak swasta sepenuhnya untuk mewujudkan *software* bagi sistem pendidikan kurikulum al-Azhar, ini mungkin di sebabkan ianya kurang mempunyai nilai komersial. Justeru penulis mencadangkan agar pihak JAIS menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan untuk mewujudkan *software* yang khusus untuk pendidikan kurikulum al-Azhar.
- g. Majoriti sampel menyatakan peruntukan masa yang diberikan masih tidak mencukupi. Hal ini sebenarnya perlu kajian bersama antara Bahagian Pendidikan JAIS dan guru-guru yang terlibat. Kajian tersebut perlu merangkumi seluruh aspek merangkumi teknik pengajaran, sukatan dan sebagainya. Hasil daripada kajian tersebut boleh menentukan sama ada perlu perubahan pada peruntukan masa, teknik pengajaran, kandungan sukatan atau sebagainya.

h Kepada para guru pula, pengkaji menyarankan perlunya penggunaan Bahasa Arab dengan tata bahasa yang betul, supaya para pelajar dapat meningkatkan pengetahuan, penghayatan dan penguasaan kepada bahasa tersebut. Kerana penguasaan kepada bahasa ini penting bagi memberikan persediaan kepada para pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

i Pengkaji juga mencadangkan kepada para guru supaya mereka mengadakan kelas *Tafakuh* (kelas pengajian yang berasaskan kitab tua atau pun teks untuk mendalami sesuatu ilmu) sebulan sekali. Kelas ini akan dikendalikan oleh guru pakar dan berpengalaman bagi memberi penerangan dan menyelesaikan masalah guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum tersebut. Hasilnya sudah pasti ianya akan melahirkan guru-guru yang berkeyakinan dan mantap dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kurikulum tersebut.

D. Cadangan Kajian Lanjutan.

Kajian ini merupakan permulaan bagi mengkaji pelaksanaan kurikulum al-Azhar di sekolah-sekolah JAIS di negeri Selangor. Dapatan yang dihasilkan daripada

kajian yang telah dijalankan ini merupakan hanya sebahagian kecil daripada bidang yang sangat luas.

Pengkaji berpandangan bahawa tanpa kajian-kajian selanjutnya dalam kurikulum al-Azhar ini, dapatan yang telah dihasilkan ini tidak akan membantu dalam pengajaran kurikulum al-Azhar di sekolah-sekolah. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan beberapa kajian yang boleh dijalankan pada masa yang akan datang.

- a. Kajian ini dijalankan dengan berpandukan model CIPP (Stufflebeam, 1971).

Tumpuan kajian ini terdiri daripada satu aspek penilaian iaitu proses. Untuk kajian lanjutan, diharapkan agar penyelidik-penyelidik juga memberi fokus kajian dalam aspek-aspek yang lain penilaian model CIPP iaitu merangkumi input, kontek dan produk untuk melihat keberkesanan program secara mendalam.

- b. Intrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik.

Untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan terperinci, pengkaji mencadangkan agar kajian seterusnya menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual.

- c. Selain daripada itu juga, dicadangkan kepelbagaian kajian boleh dilakukan selanjutnya dalam usaha meningkatkan status kurikulum al-Azhar. Antara kajian tersebut ialah :

- i. Penilaian pencapaian objektif kurikulum al-Azhar.

- ii. Perbandingan penggunaan teknik pengajaran antara kurikulum al-Azhar dengan kurikulum yang lain.
- iii. Penilaian penggunaan bahan bantu mengajar bagi kategori ketiga iaitu penggunaan bahan elektronik (sains dan teknologi)
- iv. Analisis keberkesanan pelaksanaan kurikulum al-Azhar dari sudut pengajaran dan pembelajaran.

E. Kesimpulan.

Kajian ini dilakukan adalah untuk menilai pelaksanaan kurikulum al-Azhar di sekolah-sekolah agama menengah di bawah pentadbiran Bahagian Pendidikan JAIS. Kajian ini dilakukan melalui persepsi guru kurikulum al-Azhar dalam aspek pencapaian objektif, pelaksanaan kurikulum tersebut dan perbezaan pemahaman dan pelaksanaan antara guru lulusan dalam negara dan luar negara serta guru yang mempunyai lulusan ikhtisas dan tidak.

Berdasarkan kepada persepsi guru yang terlibat didapati secara umumnya pendidikan JAIS telah mencapai objektifnya. Walau bagaimana pun mereka masih tidak mengetahui objektif khusus pelaksanaan kurikulum al-Azhar. Hal ini disebabkan sama ada kurang pendedahan daripada pihak JAIS sendiri ataupun objektif khusus pelaksanaan kurikulum ini masih lagi tidak wujud.

Selain daripada itu juga, dari sudut pelaksanaan kurikulum ini secara umumnya para guru yang terlibat tidak mengalami masalah yang besar dalam proses memahami sukatan kurikulum tersebut serta proses pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun tidak dinafikan wujudnya masalah-masalah lain dalam melaksanakan kurikulum tersebut seperti peruntukan masa, alat bantu mengajar dan sebagainya.

Melihat kepada perbandingan pemahaman dan pelaksanaan kurikulum tersebut antara guru lulusan luar dan dalam negara didapati ianya mempunyai banyak perbezaan antara mereka, ini merangkumi dari sudut penggunaan Bahasa Arab, kaedah pemahaman dan sebagainya. Walau bagaimanapun berbeza halnya perbandingan antara guru lulusan ikhtisas dan tidak, di mana mereka tidak mempunyai sebarang perbezaan antara keduanya sama ada dari sudut pemahaman dan pelaksanaan kurikulum tersebut.

Walaupun bagaimanapun tidak dapat dinafikan terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum tersebut. Bagi memantapkan pelaksanaan kurikulum tersebut, adalah dicadangkan program-program pengukuhan dari kalangan guru-guru perlu ditingkatkan melalui seminar, kursus, perbincangan dan sebagainya. Mudah-mudahan dengan usaha yang berterusan ini akan dapat meningkatkan mutu pelaksanaan kurikulum tersebut dan seterusnya dapat melahirkan cendekiawan Islam yang dapat membela agama Allah di muka bumi dan sanggup menghadapi mehnah dan tribulasi masa kini.